

27/11/2001

PLC tidak cukup modal mesti beritahu pelabur

SYARIKAT senarai awam (PLC) di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang ketidakcukupan modal dikehendaki memaklumkan kepada pelabur mengenai status ketidakpatuhan mereka dan rancangan bagi pematuhan itu.

Suruhanjaya Sekuriti (SC) berkata, PLC itu perlu memaklumkan kepada pelabur melalui laporan kemas kini dalam penyiaran keputusan kewangan suku tahunan mereka.

Ini mestilah dilaksanakan dengan serta-merta sehingga mereka mematuhi sepenuhnya keperluan modal berbayar minimum berkenaan, kata suruhanjaya itu dalam kenyataannya di Kuala Lumpur semalam.

Syarikat yang disenaraikan di Papan Utama dikehendaki menambah modal berbayar mereka kepada RM60 juta manakala syarikat di Papan Kedua kepada RM40 juta.

Keperluan modal berbayar RM60 juta dan RM40 juta bagi Papan Pertama dan Papan Kedua masing-masing dikuatkuasakan SC pada awal 1999 bagi meningkatkan pengapungan bebas dan kecairan saham syarikat di BSKL.

Sehingga 13 November 2001, kira-kira 12 peratus daripada 516 syarikat tersenarai di Papan Utama dan 57 peratus daripada 293 syarikat di Papan Kedua belum mencapai modal berbayar minimum yang dikehendaki itu.

SC mengingatkan syarat tidakkecukupan modal supaya mematuhi tarikh akhir bagi pematuhan itu, yang telahpun dilanjutkan dari 30 April 2002 kepada 31 Disember 2002.

Lanjutan itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Belanjawan 2002 yang dibentangkan 19 Oktober lalu.

SC berkata sekuriti syarikat tersenarai yang gagal memenuhi syarat modal berbayar minimum sehingga tarikh akhir yang dilanjutkan itu akan tertakluk kepada sekatan dagangan (pembayaran penuh sebelum pembelian).

Sekatan dagangan itu hanya akan dibatalkan apabila syarikat itu mematuhi sepenuhnya syarat berkenaan, katanya.

"SC juga akan mengambil langkah lain selepas tamat tempoh tarikh akhir tersebut, seperti penggantungan daripada dagangan, sekiranya syarikat itu masih gagal menunjukkan usaha yang bersungguh-sungguh dan komited untuk meningkatkan modal berbayar mereka ke tahap yang dikehendaki," katanya.

SC berkata sebarang cadangan korporat baru yang dikemukakan kepada SC oleh syarikat sedemikian mestilah memasukkan cadangan bahawa ia akan meningkatkan modal berbayar kepada tahap minimum.

(END)